

48 cawangan baharu 99 Speedmart dibuka tahun hadapan



ALBUM: Phoong (enam kiri) bersama para pengurusan tertinggi 99 Speedmart Sdn Bhn menyempurnakan acara perasmian majlis berkenaan.

KOTA KINABALU: 99 Speedmart Sdn Bhn akan membuka 48 lagi cawangan baharu termasuk di kawasan Pantai Timur Sabah pada tahun hadapan.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Datuk Phoong Jin Zhe berkata, usaha berkenaan adalah satu berita baik buat masyarakat di negeri ini.

"Salah satu aspek penting yang menjadikan pertumbuhan 99 Speedmart bermakna adalah strategi pekerjaan yang inklusif.

"Dengan menyediakan peluang pekerjaan kepada 1,800 individu Sabah, mereka juga membuktikan keupayaan dan kapasiti luar biasa tenaga kerja tempatan kita.

"Kami komited untuk memupuk bakat tempatan dan memberikan peluang kepada generasi muda kita untuk berjaya," katanya ketika merasmikan Majlis Makan Malam sempena Ulang Tahun ke-10 99 Speedmart (Malaysia Timur) di sini, semalam.

Beliau menggesa agar semua syarikat multinasional yang hadir pada malam berkenaan untuk mempertimbangkan menubuhkan kilang pembuatan atau industri hiliran di Sabah.

Katanya, usaha itu akan menyumbang ke arah pengurangan kos barangan dan memainkan peranan penting dalam meningkatkan keselamatan makanan di seluruh Borneo.

"Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP), Taman Perindustrian Minyak dan Gas Sipitang (SOGIP) dan Zon Bebas (FZ) di Kluster Industri Minyak Sawit (POIC) Lahad Datu menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pelaburan," katanya.

Sementara itu, Pengasas merangkap Pengarah Urusan 99 Speedmart Sdn Bhd Lee Thiam Wah berkata, pihaknya bermula dengan membuka cawangan pertama di Cyber Square, Kota Kinabalu sehinggalah melebihi dari 230 cawangan pada hari ini.

"Pada bulan lepas, dengan rasminya kami telah membuka cawangan pertama di Limbang, Sarawak. Perkembangan syarikat kami di sini menunjukkan bahawa Sabah merupakan pintu utama dari Barat ke Timur Malaysia dan ia adalah sangat penting.

"Ini kerana Indonesia akan memindahkan ibu kota mereka ke Nusantara di Kalimantan yang dekat dengan Tawau," katanya.

Pengurus Am 99 Speedmart (Malaysia Timur) Sdn Bhd Foo Meng Keet berkata, sejak sedekad yang lalu, 99 Speedmart (Malaysia Timur) telah melalui fasa kemajuan dan perubahan yang pesat.

"Bermula dari pencarian pasaraya dan gudang yang pertama, pertemuan dengan pembekal baharu sehinggalah Pandemik COVID-19 yang melanda dua tahun lalu.

"Kami telah berjaya menempuh cabaran dan masih berdiri teguh pada hari ini," katanya.

Hadir sama Pengarah Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Negeri Sabah. Georgie Abas.